LATIHAN MEMBETULKAN KESALAHAN1

BAHASA MELAYU TINGKATAN 1

BERDASARKAN TEKS DIBERI,BETULKAN PERKATAAN YANG DIHITAMKAN DALAM RUANGAN YANG DISEDIAKAN

Aktiviti: Analisis tatabahasa dan betulkan kesalahan yang terdapat dalam petikan – muka surat 117

BINTULU – Festival Layang-layang Antarabangsa Borneo Bintulu, Sarawak, berlangsung **daripada** 23 – 27 September. Festival ini **adalah** festival yang kesebelas. Festival ini telah diberi penambahbaikan **supaya** menjadikannya satu upacara yang **paling berprestij sekali**.

"Festival layang-layang kali ini kita jangkakan tercatat dalam *The Malaysia Book of Records* bagi *The Longest Arch Kite Tunnel*. Program ini dijangka dapat menarik perhatian pengunjung dari dalam dan luar negara," katanya pada sidang media di sini petang semalam.

Beliau percaya bahawa festival layang-layang dalam kalendar pelancongan ini dapat membantu mempromosikannya **pada** mata dunia. Festival ini dapat menggalakkan lebih ramai orang **daripada** luar Bintulu datang berkunjung ke sini.

"Festival ini mendapat pengiktirafan serta sokongan peserta antarabangsa. Pada setiap tahun terdapat penambahan peserta. Hal ini memberikan harapan **untuk** penganjur bagi menjadikannya sebagai sukan layang-layang **amat terbesar** di rantau Pasifik," ujar beliau lagi.

Perasmian dijangka disempurnakan oleh Ketua Menteri Sarawak pada 27 September, **jam** 9.30 pagi. Tujuan perasmian ini **ialah** untuk menarik perhatian ramai tentang festival ini. Majlis yang diadakan di lapangan terbang lama Bintulu ini akan dihadiri oleh orang kenamaan negeri Sarawak.

BIL	KESALAHAN	PEMBETULAN
1.	daripada	
2.	adalah	
3.	supaya	
4.	paling berprestij sekali	
5.	pada	
6.	daripada	
7.	untuk	
8.	amat terbesar	
9.	ialah	
10	jam 9:30 pagi	

LIVEWORKSHEETS